

07/09/1997

Budaya baru jadi fokus Umno

BUDAYA baru Melayu, keupayaan menjadi "tuan" di tanah air sendiri dan nasionalis Melayu-Islam adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat Melayu, terutama ahli Umno.

Selain itu, dalam ucapannya lebih sejam di perhimpunan agung Umno ke-51, kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memberi penekanan terhadap perubahan dan peningkatan kualiti agama, sikap, martabat, maruah, kerja, produk, minda, ilmu pendidikan, ekonomi serta sosial.

Ini penting untuk menangani tiga ancaman utama umat Islam iaitu kejahilan, kemiskinan dan penyakit.

Tetapi, apa yang menarik mengenai budaya baru Melayu ialah ada banyak unsur yang tidak baik dalam budaya ini. Jika dahulu orang Melayu tidak terbabit dengan kegiatan buruk seperti penagihan dadah, hari ini majoriti 'mayat hidup' adalah anak Melayu. Demikian juga Aids dan jenayah sosial seperti merogol, membuang bayi, mendera anak dan isteri mahu pun memfitnah dan rasuah.

Dalam hubungan ini, Presiden Umno melahirkan kekhuatiran kerana gejala itu apabila merebak, boleh menggagalkan usaha membentuk budaya baru di kalangan orang Melayu.

Dalam tempoh beberapa ketika juga, budaya baru semacam menjadi satu arah aliran dalam Umno dan golongan muda Melayu yang sangat popular dengan istilah korporat. Cara berniaga, pakaian, potongan rambut dan penampilan dikatakan sebagai gaya orang korporat. Pada masa yang sama, mereka adalah pengisi kelab-kelab dangdut. Dalam masa yang sama juga, timbul wabak lepak, bohsia dan buang bayi.

Ini bermakna, ketika pemimpin Umno melaungkan slogan Melayu Baru, pada masa yang sama subur budaya baru Melayu yang lebih cenderung ke posisi negatif. Inilah yang membimbangkan Dr Mahathir yang sememangnya mampu melihat apakah bakal terjadi kepada Melayu pada masa akan datang berdasarkan realiti generasi muda Melayu hari ini.

Budaya baru juga dikaitkan dengan sikap tidak mahu bersungguh-sungguh, mudah berpuas hati, cepat membazir apabila berada sedikit, cepat beralih daripada mengejar kejayaan kepada mengejar keseronokan yang kebanyakan ditegah. Ini membuktikan orang Melayu belum benar-benar menyerap nilai yang mulia yang mengutamakan maruah lebih daripada melayan nafsu.

"Kemewahan sedikit yang kita nikmati sudah pun meruntuh akhlak kita dan generasi muda kita. Apakah kita yakin yang kemajuan yang telah kita capai kini boleh diteruskan oleh mereka yang mewarisi kita," tanya Dr Mahathir.

Berkisar daripada isu keruntuhan keperibadian Melayu itu, ia merebak pula kepada persoalan Melayu menjadi "tuan" di tanah air sendiri.

Tetapi apakah perwakilan sedar dan benar-benar insaf? Dan, selepas 16 tahun Dr Mahathir menerajui Umno dan setiap tahun menyampaikan amanat, apakah kesannya terhadap sikap perwakilan Umno?

Apabila Presiden membangkitkan sesuatu pandangan, maka perwakilan akan bercakap berdegar-degar penuh semangat menyokong dan beriltizam untuk melaksananya. Tetapi apakah cakupannya serupa bikin?

Presiden tentunya tidak mahu semangat menyala sepanjang persidangan itu hilang dalam tempoh seminggu selepas perhimpunan atau sebaik saja perwakilan melangkah keluar meninggalkan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sebaliknya, amanat itu menuntut orang Melayu bersatu tenaga secara bersepadu tanpa menjadi pak turut dalam arus perdana pembangunan, selaras

kemampuan orang Melayu yang pernah memerintah dan menguasai ekonomi di rantau ini.

Sejarah membuktikan orang Melayu berjaya menjadi pelayar dan berniaga sebelum diambil alih oleh bangsa lain, berikutan kelalaian dan sikap tidak apa kita.

Seperti dijelaskan oleh wakil Pergerakan Pemuda, Zaiyadi Awang Noh, yang membentangkan usul ucapan dasar Presiden, orang Melayu pernah menjadi bangsa yang disegani di dunia kerana berjaya memerintah di rantau ini dan mempunyai jati diri untuk menjadi bangsa contoh.

Sehubungan itu, kepemimpinan melalui teladan yang ditunjukkan oleh pemimpin tertinggi perlu dihayati dan diamalkan oleh semua pihak. Ini kerana kejayaan membangunkan ekonomi negara melalui konsep Barisan Nasional, membolehkan Malaysia yang dipimpin oleh orang Islam dicontohi oleh bangsa lain.

Bagaimanapun, kejayaan itu akan terhakis sekiranya kegawatan dalam masyarakat seperti gejala sosial, rasuah dan surat layang memburukkan pemimpin menjadi sebahagian daripada gaya hidup rakyat.

(END)